



## TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

## SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN  
PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI (SUKAN)  
KEPADA PERSATUAN SUKAN, KELAB DAN BADAN  
BUKAN KERAJAAN (NGO) DI WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**6 JANUARI 2021 | 2.30 PETANG |  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**SALUTATION**

**1. YBHG. DATUK RAMLAN BIN HAJI  
SHAHEAN@ASKOLANI  
Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera**

**1. Alhamdulillah dapat kita berkumpul hari ini dalam  
satu Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Program**

Pembangunan Komuniti (Sukan) Kepada Persatuan Sukan, Kelab dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Wilayah Persekutuan disamping kesibukan saya bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dalam meneruskan usaha membantu mangsa yang terjejas akibat musibah banjir baru-baru ini.

2. Pada hari ini, saya akan menyerahkan sejumlah RM217,000 kepada 29 Persatuan Sukan, Kelab dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Wilayah Persekutuan.

3. Bantuan Kewangan pada hari ini adalah di bawah Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan yang merupakan pemberian sumbangan kewangan dan bantuan secara langsung oleh Menteri Wilayah Persekutuan kepada NGO dan persatuan yang berdaftar dan beralamat serta beroperasi di Wilayah Persekutuan.

4. Pemberian bantuan ini adalah bagi membantu dan menggalakkan warga Wilayah Persekutuan supaya lebih cakna dan prihatin dalam melaksanakan program dan aktiviti sosial serta kemasyarakatan.

5. Selain itu, kita mahu mewujudkan warga Wilayah Persekutuan yang aktif, sihat, ceria dan sejahtera

melalui program dan aktiviti berpersatuan serta kemasyarakatan.

6. Disamping itu, bantuan seperti ini diharap dapat menggalakkan lagi persatuan, kelab dan NGO mewujudkan semangat kerjasama dan perpaduan yang erat di antara sesama masyarakat dan di antara masyarakat dengan kerajaan menerusi pelbagai program yang dianjurkan kelak.

7. Pemberian bantuan ini juga secara tidak langsung bakal memberi pelbagai faedah kepada penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

8. Adalah menjadi harapan saya supaya kesemua persatuan, kelab dan NGO yang menerima bantuan kewangan hari ini memanfaatkan dengan sebaik-baiknya peruntukan yang diberikan bagi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

9. Saya juga ingin memberi peringatan kepada semua yang bakal menjalankan program supaya sentiasa beringat dalam mencegah penularan Covid-19 dengan menitik beratkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

10. Semoga bantuan ini dapat melestarikan lagi Wilayah Persekutuan seiring dengan moto 'Our City Our Home'.

Sekian, terima kasih.